

NO. SOALAN: 81

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan proses penyediaan dan kawal selia khutbah Jumaat di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa khutbah Jumaat adalah sebahagian rukun yang terkandung dalam syarat sah solat Jumaat. Ianya berbentuk pengucapan dan nasihat keagamaan yang oleh khatib sebelum mengerjakan solat Jumaat. Dengan lain perkataan, ianya juga termasuk dalam aktiviti dakwah secara lisan yang berunsur pendidikan dengan memberi nasihat keagamaan, peringatan, motivasi dan menimbulkan keinsafan serta menyampaikan isu-isu semasa.

Oleh yang demikian, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerbitkan teks khutbah Jumaat bagi tujuan penyelarasan dan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan masing-masing. Dengan itu, proses dan prosedur penyediaan teks khutbah oleh JAKIM adalah tersusun dan penuh ketelitian dengan melalui pelbagai peringkat pelaksanaan. Dalam penyediaan teks khutbah, terdapat beberapa peringkat iaitu panel penulis, panel penyemak, panel pengesahan dan seterusnya teks tersebut dikemukakan untuk mendapat kelulusan dari panel pengurusan tertinggi JAKIM sebelum ianya diterbitkan dan disiarkan sebagai satu teks khutbah Jumaat. Pada asasnya teks khutbah ini disebarluaskan melalui laman web JAKIM dan pelbagai pihak boleh memperolehinya.

Bagi masjid di bawah pengurusan JAKIM, iaitu Masjid Negara, Kuala Lumpur; Masjid Putra, Putrajaya ; dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya hendaklah membaca teks yang dikeluarkan oleh JAKIM pada setiap minggu. Manakala bagi masjid -masjid lain, mereka mempunyai teks khutbah yang dikeluarkan oleh negeri masing-masing. Dalam hal ini masjid-masjid di negeri ada pilihan sama ada untuk menggunakan teks yang diterbitkan oleh JAKIM atau teks yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.